

16/09/1997

Tiada pelan ganggu pasaran saham

SEPANG, Isnin - Kerajaan tidak akan memperkenalkan sebarang langkah baru buat masa ini untuk memulihkan sentimen lemah di pasaran saham dan pasaran mata wang, kata Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Tan Sri Clifford Herbert.

"Buat sementara waktu, kami sudah melaksanakan apa yang perlu kami lakukan. Seperti yang dapat dilihat, pasaran saham dan mata wang kini semakin stabil dan keyakinan mulai pulih.

"Bagaimanapun, kerajaan akan terus mengawasi perkembangan positif ini untuk memastikan ia pulih seperti sedia kala dalam tempoh dekat," katanya selepas menyaksikan pendaratan pesawat pertama di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini hari ini.

Baru-baru ini, kerajaan memperkenalkan beberapa langkah untuk mengurangkan defisit akaun semasa, termasuk mengurangkan import dan menundakan beberapa projek besar.

Menurutnya, pengurus dana asing juga nampaknya berpuas hati dengan apa yang dilakukan oleh kerajaan baru-baru ini untuk memperbaiki sentimen lemah dalam pasaran.

Keyakinan itu semakin meningkat selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri memberikan maklumat mengenai dasar masa depan ekonomi negara dalam satu pertemuan dengan kira-kira 50 pengurus dana asing, semalam.

(END)